

LAWATAN RASMI CHIEF OF STAFF JAPAN AIR SELF DEFENSE FORCES KE MALAYSIA

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/5548-lawatan-rasmi-chief-of-staff-japan-air-self-defense-forces-ke-malaysia

KUALA LUMPUR, 24 Okt 19 – Chief of Staff, Japan Air Self Defense Forces (JASDF), General Yoshinari Marumo telah mengadakan kunjungan ke Markas Tentera Udara sempena lawatan rasmi beliau selama dua hari ke Malaysia bermula hari ini.



Dalam rangka lawatan di sini, General Yoshinari Marumo telah mengadakan kunjungan hormat kepada Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM. Pertemuan dua hala ini secara tidak langsung mengukuhkan lagi kerjasama dari segi diplomatik pertahanan khususnya antara TUDM dan JASDF.



Terdahulu, ketibaan beliau di Wisma Pertahanan telah disambut dengan penuh istiadat ketenteraan menerusi perbarisan Kawalan Kehormatan Utama dari Pasukan Istiadat Kawalan Kehormatan Utama TUDM yang turut diiringi oleh Pasukan Pancaragam Pusat TUDM.



